

25/07/2000

Tidak perlu banyak persatuan

Wan Ahmad Ismail

TIBA-tiba muncul Persatuan Pengkritik Sastera Malaysia (PPSM). Muncul pula Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM). Persatuan Kesusasteraan Bandingan telahpun lulus penubuhannya oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 19 Jun, 1993 yang lalu. Baru-baru ini, timbul pula persatuan sastera yang baru. Entah apa namanya.

Dua persatuan yang dianggap persatuan intelektual yang sah mahu membina kesusasteraan baru Malaysia sebagai warga kesusasteraan dunia yang berwibawa. Di tambah satu lagi pimpinan Dr Abdul Rahman Napiah. Baguslah tu.

Satu hal yang mungkin ialah persatuan ini nantinya dianggotai oleh sarjana yang berwibawa dan berkelulusan. Yang ada ijazah atau sekurang-kurangnya diploma atau sijil dalam bidang kesusasteraan dan dalam bidang kritikan dan perbandingan khasnya. Ahli yang lain bagaimana?

Setelah sekian banyak persatuan penulis kebangsaan, negeri dan daerah seperti Gapena, Pena, Pelita, Dpmp, Pppk, Ppj, Pps, Pen dan lainnya yang lahir berkembang, apakah tidak cukup dengan persatuan penulis yang ada ini, maka terlahirlah Ppsm dan Pkbm itu. Tidak salah banyak persatuan. Pemikiranpun berkembang.

Selain itu tumbuh pula Angkatan Penyair Kelantan sebagai contoh.

Mungkin selepas ini akan timbul dan muncul pula Persatuan Penulis-Penulis Novel Malaysia, Persatuan Penulis Drama Malaysia, Persatuan Penulis Puisi Malaysia dan Persatuan Penulis Cerpen Malaysia, Persatuan Penulis Cerita Hantu Malaysia, Persatuan Penulis Carut Marut Malaysia dan banyak lagi.

Dan didaftarkan pula. Bagaimana jika ia terjadi selepas ini. Kemungkinan muncul lagi persatuan yang menamakan diri dan kumpulan mereka sebagai angkatan sehingga lahirlah Angkatan Penyair Malaysia, Angkatan Cerpenis Malaysia, Angkatan Novelis Malaysia, Angkatan Dramatis Malaysia, Angkatan Penulis Certu (Cerita hantu) Malaysia. Dan didaftarkan pula. Semuanya kononnya terbabit dalam kesusasteraan.

Apa yang dikehendaki oleh mereka yang terbabit secara langsung dengan penubuhan persatuan seperti ini? Yang jelas adalah akan muncullah asabiyah dalam sastera, setiap orang ada kumpulan dan kroninya sendiri.

Apakah perlunya terlalu banyak persatuan bercorak kesusasteraan ini. Apakah tidak cukup hanya dengan sebuah persatuan kesusasteraan di Malaysia yang perlu diwujudkan.

Misalnya Persatuan Kesusasteraan Malaysia.

Jika terlalu banyak sangat persatuan maka kita akan kehilangan arah dan punca sebenar dalam mencari kesusasteraan tulin di Malaysia melainkan mencari glamour saja yang akhirnya akan muncul nama persatuan saja. Orang dan ahlinya di mana, kegiatannya pula di mana? Tidak usah kita rebut untuk mencari nama, pangkat dan kekuasaan. Yang perlu kita patut memajukan sastera Malaysia di mata dunia.

Yang perlu ada ialah Persatuan Kesusasteraan Malaysia dan hanya ada satu lembaga saja.

Lembaga itu nanti akan dipecah dan di kepalai oleh seseorang untuk menangani sesuatu bidang yang difikirkan sesuai seperti bidang kritikan, bandingan, ilmu bantu, teori, aliran dan sebagainya.

Sebagai contoh Persatuan Kesusasteraan Malaysia menubuhkan bironya seperti Biro Kesusasteraan Bandingan, Biro Kritikan, Biro Ilmu Bantu. Biro Teori dan sebagainya. Tidak perlu banyak persatuan.

Ditegaskan sekali lagi, yang penting kesusasteraan Malaysia perlu berjalan lancar, sistematik dan berwibawa.

Sastera yang akan berwibawa dan bukan orang atau persatuan itu. Sastera yang akan berkembang dan tidak mati.

Tetapi orang dan persatuan akan mati dan akhirnya tinggal nama saja.

Tokoh besar sastera dunia seperti Plato, Aristotle, Gilbert Murray, James Frazer, Maud Bodkin, Carl Jung, Northrop Frye, Ferdinand de Saussure, Umberto Eco, Bertold Brecht, Sigmund Freud, Ernest Hemingway dan yang lainnya tidak punya persatuan pun tetapi dapat menghasilkan idea dan karya sastera yang besar dan diterima dunia. Teori dan hasil karya mereka dipakai dan dianuti hingga sekarang. Tapi kita, alahai, sastera kita hanya sastera kampung saja. Masih berlegar di bumi Malaysia.

Tidak keluar jauh dari kepompong kampungnya.

Kita berterus-terusan dan berlumba-lumba untuk menubuh persatuan itu persatuan sastera ini, hasilnya, hasil sasteranya tidak meningkat, mutu karyanya juga tidak mencapai tahap yang gemilang cemerlang. Banyak sudah persatuan berkubur, hasil yang ditinggalkan dalam bidang sastera tidak memberi suatu natijah baru dalam dunia pasca wawasan baru ini.

Apa macam? Apakah selepas Persatuan Pengkritik Sastera Malaysia dan Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia akan muncul persatuan lain yang juga berbau sastera pula?

Sudah sampai masanya kita membicarakan sastera Malaysia yang masih ketinggalan dalam persatuan penulis yang sedia ada, melalui Gapena, Pena, Pelita dan yang lainnya atau terus bernaung di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Tapi itupun bukan tidak ada masalahnya. Banyak juga perkara yang terbengkalai. Minta persatuan berkenaan tubuh biro sastera bandingan, biro kritik sastera kalau tidak mahu tubuh hanya satu persatuan sastera yang bernama Persatuan Kesusasteraan Malaysia itu.

Dan kalau pun mahu memantapkan sastera Malaysia untuk diangkat menjadi sastera dunia ada baiknya meminta kerajaan Malaysia pindah semua pusat pengajian sastera yang ada di Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan atau di Universiti Pertanian itu ke dalam satu pusat khas yang mengajar dan berbicara soal sastera. Cukup intim dan menarik. Semua pelajar dan tenaga pengajar berkumpul di satu tempat.

Kalau kita sudah ada Pusat Pengajian Islam atau Pusat Tamadun Islam apa salahnya jika kita adakan Pusat Pengajian Sastera atau Akademik Sastera macam adanya Akademik Filem? Kan cantik, kita tidak usah bergaduh lagi mahu menjadi tuan dan raja kepada segala macam genre atau cabang sastera yang sedia ada. Lihatlah negara Barat, mereka sudah berkembang maju dalam bidang sastera dan bukan dalam bidang berpersatuan.

Binalah satu Universiti Kesusasteraan. Sastera bukan hanya cerpen, puisi, drama atau novel. Sastera itu membina tamadun manusia. Sastera itu manusia. Kehidupan harian manusia.

Datuk Sri Dr Mahathir Mohammad sudah bercakap soal sastera. Sudah hadir dalam majlis sastera dan menonton teater.

Jadi ada baiknya pentadbir persatuan sastera berkumpul semula meminta kerajaan mengadakan satu institut khas untuk pengajian sastera. Belajar sastera bukan hanya belajar buat puisi, cerpen, drama mahupun novel. Bidang sastera luas skop dan pengajiannya.

Sastera sendiri sudah boleh buat ijazah, Master dan PhD. Ramai kalangan tokoh sastera kita ada PhD dalam bidang kesusasteraan. Tanyalah Dr Wahab Ali, Dr Ali Ahmad, Dr Abdul Rahman Napiyah, Dr Soleha Ishak, Dr Annuar Nor Arai, Dr Rahmah Bujang dan banyak lagi yang lainnya. Bidang apa yang ditesiskan mereka untuk ijazah kedoktoran mereka. Tentunya kalau tidak silap bidang sasteralah bidangnya.

Tanyalah juga Dr Mohd Ghouse Nasuruddin, Dr Anuwar Ridhwan, Dr Samat Salleh dan Dr Hatta Azad Khan.

Kita tidak usah banyak persatuan, jika akhirnya akan jadi tempang.

Ada baiknya duduk semeja berbincang, bermusyawarah bagaimana nak satukan seluruh pusat pengajian sastera di universiti di Malaysia dan duduk di bawah satu bumbung. Kita lihat nantinya akan lahirkan tokoh besar yang betul matang dalam bidang kesusasteraan yang banyak genre dan cabangnya itu.

Dan jika demikian, sarjana sastera Melayu kita pun tidaklah berkelahi sesama sendiri oleh kepentingan mereka sendiri terjejas.

Jika terjadi, saya rasakan, Malaysia akan satu-satu jadi pusat sastera dunia yang terbaik.

Di dalamnya ada penterjemah sastera, tokoh sastera bandingan, akan lahir pula teori baru oleh tokoh baru, lahir kritikus yang bertanggungjawab dengan segala fakta dan nota kakinya.

Langsung pula sastera akan menjadi satu pelajaran dan pembelajaran yang wajib di setiap sekolah rendah mahupun menengah. Mata pelajaran wajib dengan tamadun dan pemikirannya.

Kalau mahu kita boleh bawa tenaga pengajar dari luar yang sudah terkenal di mata dunia dengan sastera mereka yang baik.

Undanglah mereka. Mereka pasti datang. Bagaimana?

(END)